

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 13 NOVEMBER 2019, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 55**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1423-L05915  
**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk membersihkan daftar pemilih.
  
2. PR-1423-L06306  
**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah rasionalnya peruntukan terhadap persatuan belia dipotong serta nyatakan hala tuju belia yang telah direncanakan oleh pihak Kementerian untuk memberi gambaran terhadap masa depan belia negara.
  
3. PR-1423-L06061  
**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
  - (a) statistik semasa pengambilan satu peratus pekerja orang kurang upaya (OKU) dalam sektor awam ; dan
  
  - (b) langkah-langkah menggalakkan lagi penyertaan golongan tersebut dalam sektor tersebut.
  
4. PR-1423-L06312  
**Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tentang perubahan Revolusi Industri 4.0 yang perlu diteruskan dengan baik berikutan perubahan teknologi yang tidak dapat dikekang dalam mendepani arus kemodenan dunia antarabangsa. Adakah Kerajaan bersedia untuk mengatasi tambahan pengangguran yang bakal berlaku dan apa tindakan Kerajaan untuk mengatasi Revolusi Industri 4.0.

5. PR-1423-L06898  
**Tuan Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah perancangan untuk membaik pulih hakisan dan kerentanan pantai khusus di pantai barat Semenanjung terutamanya antara kawasan Sungai Besar.
6. PR-1423-L07196  
**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan banyak rungutan di kalangan perunding dalam industri "*oil and gas*" masih banyak menggunakan perunding-perunding dari luar negara dan tidak memberi kepercayaan dan peluang kepada perunding-perunding tempatan. Nyatakan berapa ramai perunding luar negara yang masih digunakan oleh Petronas dan apakah bidang dan kepakaran mereka.
7. PR-1423-L06954  
**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian akan menaikkan umur persaraan kepada 65 tahun pada masa akan datang yang mana langkah tersebut tidak optimum kepada kualiti dan perbelanjaan pengurusan.
8. PR-1423-L06257  
**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
  - (a) senarai ahli Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian terhadap Hukuman Mati Mandatori yang akan ditubuhkan Kerajaan ; dan
  - (b) adakah para agamawan seperti mufti serta pihak jabatan agama turut terlibat sama dalam penubuhan jawatankuasa tersebut .
9. PR-1423-L06133  
**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan cadangan menaik taraf Sungai Buloh, Sungai Siput (U) di bawah projek tebatan banjir bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan tersebut.
10. PR-1423-L06747  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
  - (a) berapa jumlah pertubuhan belia di Kuala Krai yang aktif dan tidak aktif; dan
  - (b) berapa jumlah peruntukan yang disalurkan serta apakah kursus yang boleh membantu melahirkan pimpinan belia.

11. PR-1423-L06111  
**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) apakah status program MyAPEC Youth Connect dan MyASEAN Internship; dan
  - (b) adakah Kerajaan bersedia meningkatkan program ini mencapai standard VIE *International Internship Program*, Perancis.
12. PR-1423-L06390  
**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam merapatkan jurang antara negeri-negeri kaya dan miskin serta pendapatan penduduk luar bandar dan bandar sepertimana yang dirangka di dalam Dasar Kemakmuran Bersama.
13. PR-1423-L05808  
**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk menangani budaya ekstremisme yang telah dipromosi oleh kumpulan-kumpulan tertentu sehingga membawa kepada gejala negatif seperti stereotaip, prejudis, perkauman dan diskriminasi yang menebal dalam dikalangan masyarakat.
14. PR-1423-L06141  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan penunjuk aras yang tepat berhubung tahap kemiskinan di negara ini ekoran wujudnya percanggahan formula yang diguna pakai oleh Kerajaan dan pakar asasi hak manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) baru-baru ini.
15. PR-1423-L06070  
**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [ Tampin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian telah bersiap sedia dalam menghadapi serangan siber terhadap Malaysia, kerana pada era sekarang, keganasan siber boleh memberikan kesan yang buruk kepada imej dan pembangunan negara jika kita tidak bersedia menghadapinya. Dan apakah usaha-usaha Kementerian dalam memberi keyakinan kepada rakyat dalam kesiapan siagaan negara terhadap apa-apa bentuk serangan siber sekalipun.
16. PR-1423-L05957  
**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah yang telah diambil dan kejayaan dalam mewujudkan aktiviti-aktiviti sampingan kepada warga FELCRA bagi tujuan menambah pendapatan mereka ; dan

- (b) berapakah bilangan rumah generasi kedua FELCRA yang baru yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sepanjang tahun 2018 dan 2019.

17. PR-1423-L07122

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimana Kementerian ingin memastikan pengangkutan awam seperti Bas Rapid KL memberi perkhidmatan mengikut jadual yang ditetapkan memandangkan perkhidmatan Bas Rapid KL selalu tiba lewat dan kelewatan tersebut berpunca daripada beberapa faktor lain selain kesesakan lalu lintas. Adakah Kementerian melihat bahawa permasalahan ini bukan sahaja menyusahkan pengguna malahan ianya membawa kepada kerugian kepada syarikat dan adakah Kementerian juga melihat bahawa perkara ini berlaku oleh kerana sistem monopoli yang berlaku di kawasan-kawasan tertentu terutamanya di kawasan Bandaraya Kuala Lumpur.

18. PR-1423-L06815

**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia menubuhkan Jawatankuasa Kabinet berkenaan dengan hak tanah Orang Asli yang masih tidak selesai dan diceroboh serta apakah kelewatan dalam menyelesaikan isu ini walaupun hak mereka termaktub dalam Perlembagaan, Kanun Tanah Negara, Akta Peralihan Hak Atas Tanah dan Akta Orang Asli.

19. PR-1423-L05859

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah Laporan Pemantau Khas Krisis Kemiskinan dan Hak Kemanusiaan PBB, Prof. Philip Alston berkenaan peratus kemiskinan di Malaysia bukan 0.4% tetapi 15% itu salah.

20. PR-1423-L07035

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan memberi penjelasan apakah yang sebenarnya berlaku terhadap sistem data komputer di Kuala Lumpur International Airport – KLIA yang didakwa digodam dan berapa jumlah warga pelancong dari luar negara yang masuk ke negara ketika berlakunya kejadian tersebut dan apakah pasti mereka semuanya telah keluar meninggalkan Malaysia.

21. PR-1423-L06572

**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan menjelaskan kedudukan kewangan semasa FELDA dan FELDA Technoplant Sdn Bhd (FTP).

22. PR-1423-L06313

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah langkah penggantian yang sewajarnya diambil Kerajaan terhadap pembatalan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK). Pembatalan ini menjejaskan 650,000 pekebun kecil bagi tanaman kelapa sawit seluruh negara termasuk di kawasan Parlimen Bukit Gantang yang sumber hasilnya tidak memberangsangkan dan pada masa yang sama harga komoditi yang jatuh dan tidak stabil.

23. PR-1423-L06494

**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratusan isi rumah yang berada di bawah pendapatan garis kemiskinan di kawasan petempatan Orang Asli.

24. PR-1423-L06277

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melalui Akademi Pilihan Raya (APR) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bagi memastikan aktiviti-aktiviti pendidikan politik kepada pengundi dapat dilaksanakan kepada setiap lapisan masyarakat terutamanya pengundi muda ; dan
- (b) apakah silibus atau aktiviti pendidikan politik yang bakal dilaksanakan.

25. PR-1423-L07123

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membentuk sebuah institusi pendidikan seperti MARA di bawah MITRA kerana saya melihat belia benar-benar memerlukan institusi pendidikan seperti ini. Apabila institusi seperti MARA mampu diwujudkan, saya yakin dan pasti akan berakhir dengan ketegangan berkaitan kuota pendidikan dan perpaduan negara akan lebih terjamin.

26. PR-1423-L07015

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) jumlah lawatan kerja ke luar negara oleh semua anggota Jemaah Menteri dan kos perbelanjaan setiap lawatan sejak Pakatan Harapan menjadi Kerajaan ; dan
- (b) hasil setiap lawatan kerja termasuk kejayaan pelaburan asing dan hasil peningkatan ekonomi negara.

27. PR-1423-L07171  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sama ada laporan baru-baru ini oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang melaporkan kadar kemiskinan (*poverty*) di Malaysia yang bercanggah dengan status kemiskinan yang dilaporkan oleh Kerajaan adalah tepat ataupun tidak.
28. PR-1423-L06804  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah status terkini Jambatan Pengkalan Kubor-Tak Bai dan sejauhmana kerjasama Malaysia-Thailand dalam projek ini.
29. PR-1423-L07158  
**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab Ketua Polis Negara terkecuali daripada siasatan oleh IPCMC sepertimana yang telah dicadangkan dalam Rang Undang-Undang IPCMC yang telah diperkenalkan baru-baru ini.
30. PR-1423-L07190  
**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar (Akta 803) dan bilakah pemansuhan akta ini akan dibentangkan.
31. PR-1423-L07234  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi terkini untuk memperkukuhkan keselamatan di pantai timur Sabah.
32. PR-1423-L06689  
**Puan Rubiah binti Haji Wang [ Kota Samarahan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah trend kemalangan jalan raya di jalan persekutuan di negara ini khasnya di Sarawak dan solusi bagi mengatasi masalah ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

**“BAHAWA** Majlis ini mengambil ketetapan bahawa Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang melalui ketetapan yang dibuat oleh Majlis pada hari Isnin, 7 Oktober 2019 hendaklah meneliti Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 dan membentangkan suatu penyata yang mengandungi cadangan penambahbaikan kepada rang undang-undang tersebut kepada Dewan ini tidak lewat daripada 18 November tahun ini;

**BAHAWA** Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang memerlukan lebih masa bagi membolehkan Jawatankuasa ini meneliti isu-isu yang menjadi perhatian awam dengan lebih menyeluruh dan mendalam sebelum menyedia dan membentangkan penyatanya kepada Dewan ini; dan

**BAHAWA** Majlis membuat ketetapan melanjutkan tarikh bagi Jawatankuasa Pilihan Khas ini membentangkan suatu penyata yang mengandungi cadangan penambahbaikan kepada rang undang-undang tersebut kepada Dewan ini tidak lewat daripada hari Isnin, 25 November 2019”.

2. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2020 (D.R.32/2019) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 seperti berikut :-**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh lapan bilion ringgit (RM58,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2020, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2019, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

**Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis ( 12 November, 2019 )**

3. ( D.R.25/2019 ) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, " Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ( 7 Oktober, 2019 )**

**[ Perdana Menteri ]**

- |    |                  |   |                               |
|----|------------------|---|-------------------------------|
| 4. | ( D.R.33/2019 )  | Rang Undang-Undang Kewangan 2019<br><br><b>[ Menteri Kewangan ]</b>   | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 5. | ( D.R. 29/2019 ) | Rang Undang-Undang Mata Wang 2019<br><br><b>[ Menteri Kewangan ]</b>  | "                             |
| 6. | ( D.R 30/2019 )  | Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019<br><br><b>[ Menteri Kewangan ]</b>                             | "                             |
| 7. | ( D.R.35/2019 )  | Rang Undang-Undang Hak Cipta (Pindaan) 2019<br><br><b>[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna ]</b> | "                             |
| 8. | ( D.R.34/2019 )  | Rang Undang-Undang Francais (Pindaan) 2019<br><br><b>[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna ]</b>  | "                             |

9. PR-1423-UL044

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa pada hari Rabu, 17 Julai 2019, Yang Berhormat Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof telah mengeluarkan Petua Yang di-Pertua Dewan Rakyat menolak usul yang di bawa oleh Yang Berhormat Bera bagi merujuk Ahli Parlimen Bagan (Lim Guan Eng) ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12). Kenyataan ini merujuk kepada kenyataan Menteri Kewangan di dalam Penyata Rasmi bertarikh 7 Ogos 2018 yang berbunyi:

"Ini semua angkara Kerajaan Barisan Nasional yang rakus dan rasuah. Saya berasa sangat marah tentang perkara ini Tuan Yang di-Pertua Dewan. Ini kerana perkara ini bukanlah wang kerajaan, ini ialah wang rakyat yang dirompak dan saya tidak dapat memulangkan wang mereka sendiri. Ini satu pengkhianatan kepada rakyat Malaysia...."

Dan bahawa Dewan yang mulia ini memandang serius Petua Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Rakyat di mana Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah menafikan hak ahli Dewan dan Usul Ketua Pembangkang itu. Justeru, saya ingin mengusulkan satu Usul Persendirian di bawah Peraturan Mesyuarat 43, Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Parlimen Dewan Rakyat agar keputusan Yang di-Pertua Dewan Rakyat itu ditimbang semula oleh Majlis Mesyuarat untuk dibahaskan di dalam mesyuarat Majlis ini. "

10. PR-1423-U(27)064

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju supaya suatu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk isu-isu Pilihan Raya ditubuhkan untuk memastikan terdapat pemantauan yang bebas dan berterusan oleh Parlimen terhadap sistem dan proses pilihan raya di Malaysia."

**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1423-U(27)065

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 60 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Malaysia."

**[ Perdana Menteri ]**

12. PR-1423-U(27)066

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, berakauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

13. PR-1423-U(27)067

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat digesa untuk mengambil keputusan agar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang dikenakan terhadap hartanah yang diperoleh melebihi lima tahun dengan kadar lima peratus bagi rakyat Malaysia yang secara tidak langsung dianggap sebagai satu bentuk cukai Harta Warisan (*Inheritance Tax*) untuk dimansuhkan memandangkan ia adalah jenis percukaian yang membebankan rakyat dan tidak adil terhadap waris yang telah bersusah-payah mengumpulkan harta demi masa hadapan pewaris mereka."

**[ Menteri Kewangan ]**

14. PR-1423-U(27)068

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan Malaysia Airlines Berhad (MAB) kekal sebagai sebuah syarikat penerbangan milik Malaysia. Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam memulihkan semula masa hadapan MAB ini."

**[ Menteri Hal Ehwal Ekonomi ]**

15. PR-1423-U(27)069

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan memberikan justifikasi yang kukuh mengenai cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Kerajaan mengumumkan bahawa projek kereta nasional ketiga ini telah dianugerahkan kepada Syarikat DreamEDGE Sdn Bhd yang mana pemegang saham terbesar syarikat tersebut ialah Syarikat Venturetech Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) iaitu sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Malaysia. Dalam situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga bukanlah sesuatu yang perlu diberi keutamaan oleh Kerajaan memandangkan banyak lagi isu kos sara hidup dan kadar kemiskinan yang perlu diberi tumpuan khusus. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ini ketiga dikaji semula demi menjimatkan wang rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

16. PR-1423-U(27)070

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja. Kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri bahawa pemansuhan hukuman mati akan dilaksanakan secara berperingkat ternyata telah memberikan konotasi kepada rakyat Malaysia bahawa Kerajaan sememangnya berobjektif untuk memansuhkan hukuman mati ini yang pastinya akan mendapat tentangan dari pihak keluarga mangsa. Kerajaan disarankan agar tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan perlulah membentangkan sebarang keputusan kajian mengenainya menerusi Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen. Sekiranya Kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan

Khas, biarlah jawatankuasa di bawah urusan Kerajaan yang mencakupi pandangan pelbagai pihak sama ada menyokong dan tidak menyokong agar satu keputusan seimbang yang mengambil kira pandangan semua pihak dapat diperoleh. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang melibatkan nyawa masyarakat. Jika pandangan rakyat ini tidak diteliti, maka Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

17. PR-1423-U(27)071

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan penyiasatan mengenai dakwaan Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai kadar kemiskinan di Malaysia yang tidak realistik dan dasar serta polisi yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengubah atau menyelaras paras garis kemiskinan di negara ini yang kini ditetapkan pada RM930 bagi negeri-negeri di Semenanjung, RM990 di negeri Sarawak dan RM1,170 untuk negeri Sabah."

**[ Menteri Hal Ehwal Ekonomi ]**

18. PR-1423-U(27)072

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada nasihat-nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangannya."

**[ Menteri Wilayah Persekutuan ]**

19. PR-1423-U(27)073

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia melalui pewujudan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif yang mampu membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

**[ Perdana Menteri ]**

20. PR-1423-U(27)074

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto Pakatan Harapan iaitu 'Membela Nasib Orang Asli' di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengenenpikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

**[ Perdana Menteri ]**

21. PR-1423-U(27)075

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, prasyarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate*—UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. "Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran

Bahasa Melayu di peringkat SPM.” “Mantan Menteri Pendidikan iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013.” “Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan. Sekiranya kenyataan itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyesuaian dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berbolak-balik.” “Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke “Youtube”, di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai “hitam putih” untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan. ”

**[ Menteri Pendidikan ]**

22. PR-1423-U(27)076

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baharu yang telah diluluskan. " “Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu. " “Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina.” “Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpenggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas. "

**[ Menteri Pendidikan ]**

23. PR-1423-U(27)077

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen kerajaan diperuntukkan RM1,800,000.00 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara." "Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah. "

**[ Perdana Menteri ]**

24. PR-1423-U(27)078

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan apakah dasar luar Malaysia berkaitan Laut China Selatan. Umum mengetahui kemelut perluasan pengaruh di rantau Asia Pasifik yang menggunakan isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan melibatkan kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan China serta penglibatan United Kingdom, Perancis, Australia dan Jepun telah merumitkan isu ini. Pembabituan kuasa asing ini amat membimbangkan kerana berkait dengan kehadiran kapal perang di perairan yang akan memberi kesan kepada kapal dagang dan juga sangat sensitif dari segi status geopolitik. Sebelum ini, pada Jun 2018, Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menyuarakan bahawa Malaysia akan mengkaji semula Kerangka Kod Tata Laku (CoC) di Laut China Selatan antara China dan ASEAN. Ditambah pula, dengan kenyataan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Tuan Mohamad Sabu yang menyatakan kebimbangan mengenai isu penempatan aset ketenteraan di perairan tersebut iaitu merujuk kepada tindakan yang dilakukan China. Manakala, pada Ogos 2019 beberapa Menteri Luar ASEAN melahirkan kebimbangan terhadap isu penambahan, pendudukan dan insiden serius yang berlaku di Laut China Selatan. Jika diambil kira keputusan Kerajaan berhubung pembatalan dan pergantungan

beberapa projek yang melibatkan negara China sebelum ini menimbulkan pertanyaan apakah interpretasi negara China walaupun tiada kena mengena dengan geopolitik Laut China Selatan, sedikit sebanyak menunjukkan hala tuju dasar laut negara. Selain itu, penyertaan Malaysia dalam latihan ketenteraan maritim terbesar iaitu *Rim of the Pacific Exercise* (RIMPAC) anjuran Amerika Syarikat yang secara jelas tidak mengundang tentera laut China dengan alasan kurang senang dengan tindakan China di Laut China Selatan. Penyelesaian melalui penggubalan Kod Tatalaku (CoC) yang berasaskan peruntukan UNCLOS pada ketika ini sedang diperhalusi di antara ASEAN dan China. Ironisnya China dilihat begitu berat untuk menerima peruntukan UNCLOS dalam rundingan CoC sedangkan China adalah negara ahli UNCLOS kerana China ingin menuntut berasaskan sejarah Dinasti mereka iaitu Dinasti Han, Yuan, dan Ming manakala Amerika Syarikat cuba memaksa ASEAN dan China menerima sepenuhnya penggunaan UNCLOS dalam CoC kerana UNCLOS berasaskan undang-undang. Sehubungan itu, apakah dasar dan pendirian Malaysia berhubung kehendak Amerika Syarikat yang mahukan UNCLOS dalam kerangka CoC tersebut. Pengamalan Dasar Luar Malaysia bersangkutan dengan kemelut Laut China Selatan akan berubah jika dinilai berdasarkan peristiwa yang berlaku semasa ini. Pembentangan ini amat penting untuk rakyat mengetahuinya malah pemimpin serantau dan global turut mengambil berat kerana Malaysia adalah negara utama yang terlibat dalam kemelut tersebut. "

**[ Menteri Luar Negeri ]**

25. PR-1423-U(27)080

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh berkaitan pelaksanaan projek Sistem Transit Rapid (RTS) Johor--Singapura selepas hasil perbincangan di antara Menteri Pengangkutan Malaysia bersama Menteri Pengangkutan Singapura pada bulan Julai 2019. Hasil perbincangan ini amat penting untuk dibawa ke Parlimen agar Ahli Dewan Rakyat dapat mengetahui dengan jelas perancangan projek tersebut serta dapat dibincangkan secara terperinci di dalam Dewan Rakyat. Rakyat pastinya ternanti--nanti akan penjelasan tentang perancangan, kesan jangka masa panjang yang melibatkan dua negara ini. Perbincangan ini adalah amat penting untuk mengetahui secara terperinci berkenaan implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Malaysia akibat penangguhan projek tersebut. Selain itu, pelaksanaan projek ini hendaklah tidak hanya dibincangkan dalam peringkat kabinet sahaja dan secara tertutup antara Kerajaan Malaysia dan Singapura tetapi perlu mengambil kira pandangan orang ramai yang juga bakal menikmati kemajuan fasiliti dan menggunakan kemudahan ini terutama rakyat Malaysia yang mencari rezeki bekerja di Singapura agar mereka mengetahui dengan jelas tentang pendirian Kerajaan sama ada untuk meneruskan, menanggungkan atau membatalkan projek ini. "

**[ Menteri Pengangkutan ]**

26. PR-1423-U(27)081

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 seperti termaktub dalam Janji 16, Manifesto Pakatan Harapan iaitu mengembalikan wibawa institusi Parlimen. Dalam usaha Kerajaan untuk mereformasi Parlimen Malaysia, Kerajaan perlu memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan melalui seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 tersebut telah berkuatkuasa pada 20 November 1993. Memperkenalkan semula Akta ini dengan beberapa penambahbaikan merupakan satu konsep pengasingan kuasa yang jelas antara Badan Eksekutif dan Legislatif. Perkara ini membolehkan urusan Parlimen boleh ditadbir dan dilaksanakan oleh Parlimen sendiri. Hal ini memberi kuasa autonomi kepada Parlimen untuk menentukan keputusan dan menjadikan Parlimen sebagai satu badan bebas yang tidak terikat dengan badan Kerajaan. Sehubungan itu, apakah usaha dan perancangan Kerajaan dalam memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 di mana pindaan Perlembagaan juga perlu berlaku serta sejauh manakah persediaan Kerajaan untuk pindaan Perlembagaan ini. Selain itu, apakah usaha Kerajaan untuk menunaikan janji-janji manifesto Pakatan Harapan dalam mengembalikan wibawa institusi Parlimen seperti memberikan status dan peruntukan yang sama dengan seorang Menteri Persekutuan kepada Ketua Pembangkang dan pewujudan Jawatankuasa Terpilih Dewan Rakyat untuk memantau setiap Kementerian, dengan kuasa untuk memanggil Menteri dan pegawai kanan untuk memberi keterangan. Kebaikan kepada pindaan ini adalah atas usaha menjadikan Parlimen sebagai badan legislatif yang efektif dalam dunia moden. Selagi tiada Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 ini, perkara ini akan menyebabkan usaha mereformasi Majlis Parlimen akan sedikit sebanyak terencat. "

**[ Perdana Menteri ]**

27. PR-1423-U(27)082

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk memperkenalkan Akta dan undang-undang baharu yang perlu diwujudkan bagi melindungi orang ramai yang terjebak dalam pelaburan mata wang digital atau kripto. Akta Mata Wang Digital atau akta baharu itu membolehkan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) mengambil tindakan terhadap pihak yang membuat penawaran pelaburan dalam bentuk mata wang digital. Mata wang digital atau *cryptocurrency* digunakan secara meluas bagi tujuan urusaniaga sama ada secara sah atau digunakan dalam ruang bagi pasaran

gelap atas talian iaitu *darkweb*, pembiayaan keganasan serta penggubahan wang haram. Perkara yang melibatkan mata wang digital semakin meluas dan berakar umbi di *darkweb*. Isu ini banyak mengelirukan banyak pihak terutamanya rakyat. Kerugian yang dilaporkan akibat jenayah siber mencecah RM309.67 juta bagi tempoh dari Januari hingga Julai 2019. Kerugian ini disebabkan jumlah jenayah siber semakin meningkat dan angka ini boleh memberi kesan negatif kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Sehubungan itu, apakah peranan Kerajaan dalam mengatasi masalah sekiranya mata wang digital ini disalah guna contohnya, sebagai kaedah pembayaran rasuah dan transaksi dalam pasaran gelap. Kerajaan juga perlu lebih proaktif menangani masalah penipuan mata wang digital ini. Akta baharu perlu diwujudkan dan akta yang sedia ada perlu ditingkatkan supaya tiada kelompongan dari sudut perundangan bagi mengelakkan penipuan dan salah laku yang melibatkan mata wang digital. "

**[ Menteri Kewangan ]**

28. PR-1423-U(27)083

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan laporan gangguan sistem Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang berlaku pada 21 hingga 24 Ogos 2019. Gangguan sistem tersebut berlaku selama 4 hari dan menyebabkan beberapa urusan bagi pihak lapangan terbang dan penumpang terjejas. Perdana Menteri telah menggesa pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) untuk menyelidik punca sebenar gangguan sistem di KLIA, pihak MAHB telah membuat laporan polis berhubung gangguan rangkaian di KLIA dan pihak polis telah menjalankan siasatan mengikut Seksyen 427 Kanun Keseksaan. Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador, menyifatkan dakwaan kemungkinan wujud tindakan berniat jahat hingga menjejaskan kelancaran operasi KLIA sebagai amat serius. Sehubungan itu, Kerajaan perlu membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan apakah punca gangguan sistem ini boleh berlaku, berapakah implikasi kewangan yang ditanggung oleh pihak MAHB, jumlah kerugian yang ditanggung oleh syarikat-syarikat penerbangan yang terlibat dan apakah langkah proaktif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan perkara ini tidak berulang kembali. Selain itu, pihak Kerajaan juga perlu membentangkan kepada Dewan Rakyat adakah gangguan sistem ini memberi kesan kepada pengiktirafan yang diterima oleh KLIA seperti Anugerah Pemasaran Laluan Asia 2018 dan pengiktirafan--pengiktirafan lain serta apakah keputusan siasatan pihak MAHB dan pihak PDRM berhubung kes ini. "

**[ Menteri Pengangkutan ]**

29. PR-1423-U(27)084

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Kertas Putih Pertahanan. Kertas Putih Pertahanan tersebut dirangka mengambil kira aspek jangka pendek dan jangka panjang berkenaan dasar pertahanan negara. Ahli Dewan Rakyat dan rakyat perlu mengetahui berkenaan dasar tersebut dengan jelas dan memberikan kefahaman secara menyeluruh apakah isi kandung Kertas Putih Pertahanan tersebut. Dalam usaha mewujudkan Kertas Putih Pertahanan, Kerajaan perlu melibatkan banyak agensi dan pihak. Kementerian Pertahanan perlu bekerjasama secara rapat dengan Kementerian Luar Negeri kerana banyak melibatkan hubungan luar antara negara. Selain itu, pihak Kerajaan juga perlu melibatkan pakar dan ahli akademik dan bukan pihak Kementerian Pertahanan sahaja. Ini adalah perkara penting untuk mewujudkan perbezaan antara pembuat dengan pelaksana dasar. Aspek yang penting adalah semua Kementerian dan agensi berkaitan perlu memahami isi kandungan kertas putih tersebut kerana tugas pertahanan bukan hanya terletak kepada Kementerian Pertahanan serta tentera semata-mata tetapi rakyat juga perlu mengetahui. Sehubungan itu, dengan pembentangan Kertas Putih Pertahanan secara terperinci ini dapat menghasilkan satu pelan rangka tindakan secara spesifik berkaitan hala tuju ketenteraan dan perancangan perolehan aset bagi Angkatan Tentera Malaysia. "

**[ Menteri Pertahanan ]**

30. PR-1423-U(27)085

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil langkah dalam memperkasakan institusi hal ehwal agama Islam di negara ini iaitu Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan yang mempunyai peranan utama menjadi pusat rujukan fatwa yang berwibawa dan berintegriti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dalam memartabatkan fatwa di Malaysia, jawatankuasa ini dilihat berperanan besar melalui pengurusan, penyelarasan dan penyelidikan namun dari segi pelaksanaan fatwa tersebut oleh pihak Kerajaan tidak konsisten dalam beberapa perkara. Isu--isu keagamaan yang berlaku seperti penyebaran ajaran sesat, fahaman liberal dan songsang serta keterbukaan yang melampau memerlukan tindakan yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan bersandarkan kepada rujukan fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan."

**[ Perdana Menteri ]**

31. PR-1423-U(27)086

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berperlembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar di kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya di kalangan masyarakat pelbagai latar belakang berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik--baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik--baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja--raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang situasi semasa negeri. Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja--raja. Maknanya ada lagi ciri--ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja--raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berperlembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang--ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berperlembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat."

**[ Perdana Menteri ]**

**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 13.11.2019 (Rabu)	1. YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (Batu Gajah)	1. Penyakit Jarang Jumpa	1. YB Menteri Kesihatan
2. 13.11.2019 (Rabu)	2. YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)	2. Utamakan Produk Pertanian Domestik	2. YB Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**